

LITERASI MAKLUMAT DAN PUSAT SUMBER SEKOLAH

Oleh Kamal Sujak

MELENTUR buluh biarlah dari rebunginya. Kesan ledakan maklumat banyak mempengaruhi gaya hidup dan pemikiran remaja masa kini. Jenayah siber termasuklah salah laku dan pelbagai aktiviti tidak bermoral terhasil akibat kurangnya pendedahan literasi maklumat dalam kalangan remaja. Remaja mudah terpengaruh dengan sesuatu perkara berdasarkan maklumat yang tidak tepat yang akhirnya merugikan dan menggelapkan masa depan mereka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) disarankan agar memperkasakan Program Literasi Maklumat dan Pusat Sumber Sekolah (PSS) di sekolah di negara kita. Perkara ini bertujuan agar generasi muda faham kepentingan mengakses dan menilai

sumber maklumat yang tepat untuk membentuk generasi yang mampu berfikir kreatif, inovatif, membuat keputusan dengan bijaksana setelah meneliti semua perkara, penaakulan dan budaya pembelajaran berterusan.


Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 perlu menengahkan elemen literasi maklumat dan PSS kerana kaedah ini mempunyai kaitan langsung bagi mempersiapkan pelajar mendepani tuntutan teknologi serta kemahiran asas dalam pencarian ilmu bagi menyokong pembinaan masyarakat bermaklumat dan berpaksikan ilmu. Sebagaimana dimaklumi, literasi maklumat ialah program yang dianjurkan dan disokong oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) sejak tahun 2000 bagi

meningkatkan tahap pencapaian ilmu melalui persiapan kemahiran menerima, menilai dan menggunakan maklumat secara rasional dan kritikal.

Seseorang boleh dianggap mempunyai keupayaan "literasi maklumat" sekiranya; boleh mengenal pasti maklumat yang diperlukan, boleh mengenal pasti bila maklumat diperlukan, bagaimana dan di mana maklumat boleh dikesan (sumber-sumber maklumat), boleh menilai secara kritikal maklumat dan sumber maklumat, menggunakan maklumat secara beretika bagi tujuan tertentu dan mengikut keutamaan dan menyampaikan maklumat dengan berkesan sama ada secara lisan, bertulis atau penggunaan teknologi.

Di kebanyakan negara, program literasi maklumat telah diterjemahkan





dengan inisiatif yang berstruktur dan terancang bagi meningkatkan keterampilan rakyat dalam mengejar ilmu. Jika perkara yang sama dilakukan di sini, diyakini mampu melonjakkan Malaysia dalam bidang ilmu dan penyelidikan.

Usaha ini bermanfaat bagi melahirkan warganegara yang berfikir kreatif, berupaya membuat keputusan yang bijaksana berdasarkan penelitian yang baik, menggunakan penaaakuan dan mengamalkan budaya pembelajaran berterusan untuk melaksanakan fungsi sebagai individu dan menjalankan peranan dalam masyarakat secara berkesan.

Bagi mencapai status negara maju, kepentingan literasi maklumat dari aspek pembangunan negara dan ekonomi tidak mampu disangkal

lagi. Dasar pembangunan negara memerlukan pewaris bangsa membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan k-ekonomi dan k-masyarakat. Masyarakat yang celik maklumat dan faham kepentingannya mampu melonjakkan Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020 dan status negara maju.

Selain itu, pembangunan modal insan dapat dikukuhkan untuk menghasilkan tenaga manusia berpengetahuan seperti yang disarankan dalam *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*; halaman E-16. Kerajaan menghendaki seluruh rakyatnya mempelajari, memahami dan menguasai pengetahuan mengenai teknologi maklumat (IT).

Konsep Pengajaran dan Pembelajaran yang berpusatkan pelajar

dan dipermudahkan dengan bantuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) perlu diperkasakan agar dapat memberikan manfaat kepada pelajar di bandar dan luar bandar. Perubahan gaya hidup memerlukan kita hidup dan bersaing dalam dunia dan ekonomi global yang menggunakan maklumat. Segalanya kini serba mudah kerana maklumat dapat diakses di hujung jari. Literasi maklumat juga dapat menyuburkan konsep pendidikan seumur hidup yang membolehkan masyarakat kita mudah menerima ilmu dan seterusnya memperbaiki potensi diri.

Menurut Barner (1996) budaya di tempat kerja telah berubah. Berasaskan perubahan budaya ini, pekerja zaman teknologi maklumat ini perlulah mereka yang celik maklumat bagi memenuhi keperluan organisasi maya, bertindak

sebagai pembekal, pengeluar dan pengurus maklumat serta penggunaan komputer dan sistem elektronik.

Objektif yang diperkenalkan utama mengapa Program Literasi Maklumat perlu diperkenalkan di seluruh negara ialah, memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para pelajar pada peringkat lebih awal mengenai teknik dan kaedah yang lebih berkesan untuk mengesan dan mengakses maklumat dengan cepat dan tepat; memberi bimbingan dan pengetahuan untuk menilai dan mengenal pasti sumber maklumat Internet yang sahih dan tepat; menyemai minat remaja kepada dunia ICT untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat; dan menggalakkan penggunaan kandungan digital tempatan dalam kalangan pelajar; memupuk sifat murni dalam kalangan pelajar seperti semangat kerja berkumpulan, bekerjasama serta menjana daya kreativiti dan inovasi dalam kalangan mereka; dan memberi kesedaran mengenai kepentingan perpustakaan sebagai pusat rujukan setempat.

Melalui Program Literasi Maklumat, diharapkan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat berilmu dan modal insan kelas pertama akan tercapai. Asas pertimbangan bagi pelaksanaan program ini ialah pelajar perlu diberi pendedahan sewal mungkin, kemahiran menilai dan memilih maklumat yang sahih dan tepat, ilmu ICT sebagai teras utama dalam pembangunan modal insan, dan menggalakkan daya kreativiti dan inovasi pelajar melalui pelbagai aplikasi ICT yang sesuai.

Jika diamati, objektif Program Literasi Maklumat juga selari dengan aspirasi pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menggariskan bahawa setiap kanak-kanak di Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia iaitu mencakupi akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan dapat direalisasikan. Ini dapat dilakukan melalui objektif literasi maklumat iaitu memberi pendedahan dan

Diharapkan usaha kerajaan untuk melahirkan masyarakat berilmu dan modal insan kelas pertama akan tercapai.

pengetahuan kepada pelajar pada peringkat lebih awal mengenai teknik dan kaedah yang lebih berkesan untuk mengesan dan mengakses maklumat dengan cepat dan tepat.

Oleh itu adalah penting dalam sistem pendidikan berprestasi tinggi menyediakan pendidikan berkualiti tanpa mengira kedudukan geografi, jantina atau latar belakang sosioekonomi. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijadikan asas pencapaian aspirasi setiap murid melalui pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional bagi membangunkan pendidikan seimbang.

Melalui literasi maklumat, generasi muda dipupuk kesedaran mereka mengenai kepentingan perpustakaan sebagai pusat rujukan setempat. Mereka juga diberi bimbingan dan pengetahuan untuk menilai dan mengenal pasti sumber maklumat Internet yang sahih dan tepat.

Sebelas anjakan utama untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara. Antaranya ialah Anjakan Ketujuh: memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia boleh dicapai apabila minat remaja kepada dunia ICT semakin berkembang dan seterusnya memberi kesan positif bagi menggalakkan mereka untuk meneruskan minat dalam mempelajari ilmu pengetahuan baru dan menjadikannya sebagai pembelajaran sepanjang hayat.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia setakat 31 Disember 2014, terdapat 10 659 buah perpustakaan sekolah

di negara kita. Jumlah ini pastinya bertambah dari semasa ke semasa. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut menggariskan keperluan asas sebuah pusat sumber atau perpustakaan disediakan di setiap sekolah dalam perancangan tahun 2016-2020.

Di sekolah yang telah menyediakan kemudahan PSS, adalah dicadangkan agar penglibatan langsung profesional berkemahiran sains perpustakaan dan pengurusan maklumat dapat diambil kira. Langkah ini diharapkan dapat meningkatkan pembangunan dan pengurusan PSS agar berlaku pelaksanaan aktiviti yang konsisten.

Pembangunan dan pengurusan PSS secara profesional akan memberi nilai tambah dan impak yang tinggi kepada bidang pendidikan bagi merapatkan jurang pencapaian prestasi dalam negara dan antara negara. Semua generasi muda di Malaysia sepatutnya berpeluang mendapatkan perkhidmatan PSS yang berkualiti. Gandingan PSS yang berkesan dan literasi maklumat boleh melahirkan generasi yang mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam sistem pendidikan berprestasi tinggi iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional.

Jika elemen literasi maklumat dan kelangsungan pembangunan dan pengurusan pusat sumber yang berkesan tidak dimasukkan, dikuatirai Malaysia akan ketinggalan dalam mengikuti saranan UNESCO. Negara maju telah pun mempunyai polisi dan pialawan berkaitan literasi maklumat. Melalui inisiatif kecil pihak bertanggungjawab, literasi maklumat dan pembangunan pusat sumber sekolah telah pun berlaku, namun kos ilmu berkaitan literasi maklumat belum dikesan mencatatkan inisiatif pada peringkat kerajaan. Diharapkan suatu pernyataan dasar yang berkaitan literasi maklumat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 sebagai garis haluan strategik dan program pencapaian masyarakat celik maklumat dan berilmu diwujudkan. ❁